

CNS4731

U GB 09-06 00180 BA505

AAB

(Ulangan Membetulkan Slug)

Mahathir - Pioneer (Bergambar)

DR MAHATHIR GESA SYARIKAT ASTING PERTINGKAT BAHAN TEMPATAN

T

MUAR, 9 Jun (Bernama) -- Semua syarikat elektronik asing akan dihendaki mempertingkatkan penggunaan bahan tempatan dalam perniagaan mereka dan mewujudkan hubungan dengan industri tempatan sebelum layak diberi insentif percukaian, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan membuat keputusan itu untuk memastikan hasrat Malaysia untuk menambah bilangan usahawan tempatan khususnya Bumiputera, supaya menceburi industri sokongan.

Para pelabur hendaklah menyambut baik syarat-syarat itu kerana mereka akan menikmati pembekal komponen dengan mudah, penghantaran cepat dan perkhidmatan teknikal yang baik, katanya semasa merasmikan kilang Pioneer Technology (M) Sdn Bhd di Tanjung Agas, di sini.

Syarat-syarat itu boleh juga membantu mengatasi masalah peningkatan kos komponen dari Jepun kerana meningkatnya nilai mata wang Yen yang mengakibatkan perlunya dicari sumber-sumber yang lebih murah tanpa mengotepikan kualiti, katanya.

"Di sinilah industri-industri kecil dan sederhana (TKS) dapat memainkan peranan penting sebagai pembekal barangan dan komponen kepada syarikat-syarikat besar yang terlibat dengan pembuatan barangan. -- Lagi.

▼09/06/11-06MST

CNS4737

U GB 09-06 00140 BA506

AAB

Mahathir - Pioneer 2, Muar

Dr Mahathir berkata, langkah seperti itu terpaksa diambil kerana kerajaan memandang berat kurangnya penteraan rakyat Malaysia dan kekurangan pertalian antara industri-industri elektronik dan industri-industri sokongan tempatan.

"Teras asas dasar kerajaan ialah untuk mempelbagaikan industri bukan sahaja untuk penghasilan kepelbagaian barangan elektronik tetapi juga untuk mewujudkan lebih banyak pertalian yang berkesan.

Katanya, kerajaan berharap bahawa dengan penqukuhan perhubungan sub-kontrak dengan firma elektronik utama, firma-firma Malaysia akan memperolehi faedah daripada pemindahan teknologi, khususnya dalam bidang pembuatan dan proses pemasangan kecilan, teknik jaminan kualiti serta pengetahuan mengenai operasi pengurusan.

Bagi menjayakan pemindahan teknologi ini, beliau menekankan pentingnya dipertingkatkan latihan tenaga kerja.

Dalam hubungan ini, beliau memuji Pioneer, yang walaupun baru berusia 10 bulan, telah membelanjakan lebih RM1 juta untuk latihan-latihan pengurusan, kejuruteraan dan kemahiran teknikal. -- Lagi.

▼09/06/11-27MST

CNS4745

U GB 09-06 00170 BA507

AAB

Mahathir - Pioneer 3 Muar

"Ini, saya percaya, menggambarkan keikhlasan svariakat ini memperkukuhkan pembangunan kemahiran dan memberi laluan kepada pemindahan teknologi kepada rakyat Malaysia."

Dr Mahathir juga berharap svariakat-svariakat asing di Malaysia akan menggunakan insentif yang disediakan kerajaan untuk menggalakkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan akhirnya akan menubuhkan pusat-pusat R&D mereka sendiri di negara ini.

Beliau juga berkata, sektor pembuatan telah diberikan penekanan dan ia dijangka menjadi sumber utama pertumbuhan bagi tiga dekad akan datang dengan sektor kecil elektronik terus menjadi kuasa penggerak, dengan mencatatkan kadar pertumbuhan pengeluaran mengkagumkan sebanyak 29.6 peratus setahun antara 1988 dan 1993.

Sektor kecil itu juga mencatat kadar pertumbuhan purata tahunan 30.4 peratus dan 24.4 peratus masing-masing daripada segi eksport dan pendapatan bagi tempoh yang sama, katanva.

Menurut beliau, antara 1991 dan April 1994, pelaburan berjumlah RM77.7 ribu juta telah diluluskan bagi sektor pembuatan dan daripada jumlah itu, para pelabur asing melabur RM42.8 ribu juta atau 55.1 peratus daripada keseluruhan pelaburan. -- Lagi.

▼09/06/11-46MST

U GB 09-06 00159 BA508

AAB

Mahathir - Pioneer 4 (Akhir) Muar

Menventuh mengenai pelaburan Jepun dalam sektor kecil elektrik dan elektronik, Dr Mahathir berkata, sejumlah 452 projek membabitkan RM6.9 ribu juta diluluskan antara 1980 dan April 1994 iaitu 36.5 peratus daripada keseluruhan pelaburan Jepun dalam sektor pembuatan dalam tempoh yang sama.

Katanya, kebanyakan daripada pengeluaran industri itu ialah untuk eksport dan tahun lepas sahaja ia bernilai RM46.7 ribu juta dan sebanyak RM5.4 ribu juta daripadanya atau 11.6 peratus merupakan barangan audio.

Pioneer Technology (M) Sdn Bhd mengeluarkan antara lain alat cakera padat, stereo kereta dan amplifier.

Pioneer kemudian menyerahkan RM15,000 kepada Bakti, RM15,000 kepada Persatuan Kanak-kanak Spastic Johor dan RM15,000 lagi kepada Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Muar.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Duta Jepun ke Malaysia, Taizo Nakamura, Menteri Belia dan Sukan, Abdul Ghani Othman serta Menteri Undang-undang, Datuk Syed Hamid Albar. -- Bernama.

JO KAM.